

SYARAT DAN PERATURAN MENGIKUT KATEGORI YANG DIPERTANDINGKAN

ANUGERAH AHLI AKADEMIK HARAPAN

1. Calon hendaklah memenuhi kriteria asas berikut:
 - i. Merupakan ahli akademik yang berkhidmat di UPNM kurang daripada lima tahun.
 - ii. Berumur kurang daripada 40 tahun.
 - iii. Memperoleh markah sekurang-kurangnya 85% dalam Penilaian Prestasi Tahunan yang terkini (3 tahun berturut turut).
 - iv. Calon hanya boleh menerima anugerah ini sekali sahaja sepanjang perkhidmatan di UPNM.
2. Kriteria penilaian bagi anugerah ini adalah seperti berikut:
 - i. Mencapai skor minimum 4.6 mata dalam Penilaian Pengajaran bagi mana-mana semester dalam tahun yang dinilai.
 - ii. Menyediakan Fail Pengajaran yang lengkap.
 - iii. Inovasi dan kreativiti dalam kaedah P&P serta penilaian.
 - iv. Mempamerkan potensi dalam inovasi dan kreativiti penyelidikan, penyeliaan, penerbitan serta kepimpinan.
 - v. Memiliki sekurang-kurangnya satu geran penyelidikan yang berdaftar dengan PPPI.
 - vi. Memiliki sekurang-kurangnya dua indeks penerbitan dari SCOPUS/ PubMed.
 - vii. Terlibat secara aktif dalam aktiviti pelajar dan aktiviti universiti.
 - viii. Menjawat tugas diperingkat Jabatan/Fakulti/Pusat/Universiti/Komuniti/Kebangsaan.